



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“ELAKKAN PERCERAIAN”

9 Jun 2023 / 20 Zulkaedah 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ¹

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً²

وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا³﴾

(Surah An-Nisa ayat 1)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadirat Allah SWT dengan memperteguh iman serta amal soleh, melaksanakan segala perintah dengan hati yang ikhlas, meninggalkan semua larangan Nya dengan jiwa yang patuh, melazimkan sifat-sifat mahmudah yang dicintai Allah serta menjauhi sifat-sifat mazmumah yang dimurkai Nya. Mudah-mudahan kita dihimpunkan di hadapan Allah SWT dengan membawa *qalibun salim* (hati yang sejahtera) dan bekalan amal yang diterima. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: **“ELAKKAN PERCERAIAN”**

Manusia diciptakan berbekalkan fitrah berpasangan. Syariat Islam menetapkan nikah menghalalkan kehidupan berpasangan lelaki dan perempuan. Nikah merangkaikan rasa kasih dan sayang serta belas kasihan seperti yang difirmankan oleh Allah SWT dalam surah Ar-Rum ayat 21;

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



﴿وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً
وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾﴾

Bermaksud: “Dan antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan rahmat Nya, Dia menciptakan untukmu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri daripada jenismu sendiri, agar kamu senang hati dan hidup mesra dengannya, dan Dia menjadikan antara kamu (suami isteri) rasa kasih dan sayang serta belas kasihan...”.

Perceraian adalah lawan kepada nikah. Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 229:

الطَّلَاقُ مَرَّتَانٍ فَإِمْسَاكٌ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٌ بِإِحْسَانٍ ﴿٢٢٩﴾

Maksudnya: “Talak (yang boleh dirujuk semula) itu ada dua kali. Setelah itu, (suami) boleh rujuk lagi dengan cara yang makruf atau menceraikan dengan cara yang baik...”

Nikah menyatukan pasangan lelaki dan perempuan, tetapi cerai memisahkan mereka. Nikah amat digalakkan oleh syarak, sedangkan cerai, tanpa sebab yang munasabah, sangat tidak digalakkan, kerana perceraian memberi banyak kesan tidak baik kepada pasangan, ahli keluarga serta masyarakat sekeliling.

Perceraian boleh dibahagikan kepada dua jenis, pertama: cerai yang tidak wajar dilakukan atau tidak digalakkan; kedua: cerai yang wajar kerana keadaan yang tidak dapat dielakkan. Cerai tanpa sebab munasabah, dihukum makruh, bahkan haram jika menyebabkan penganiayaan kepada pasangan. Namun cerai dihukum sunat bagi yang sudah tiada persefahaman, apatah lagi yang boleh menyebabkan mudarat jika tidak bercerai. Kadangkala cerai dihukum wajib, sebagai contoh apabila pasangan tersalah bernikah dengan mahramnya (iaitu orang yang haram dikahwini).

Sidang Jumaat Rahimakumullah,

Di negeri Perak, 3,065 kes penceraian direkodkan berlaku dalam tahun 2020; 2,865 berlaku dalam tahun 2021, dan 3210 berlaku dalam tahun 2022. Secara purata, berlaku sekitar 3,000 perceraian setahun di negeri Perak sejak tiga tahun kebelakangan ini;



meletakkan angka perceraian, sekitar 23% daripada angka purata 13,000 pernikahan setahun.

Angka perceraian yang semakin meningkat harus membimbangkan kita, kerana angka tersebut membayangkan rumah tangga dan institusi keluarga semakin rapuh keadaannya. Rumah tangga dan keluarga yang bersifat rapuh boleh menjadi penyebab berangkai kepada berlakunya pelbagai masalah lebih besar dalam masyarakat, seperti kemurungan, tekanan perasaan, sakit jiwa dan sakit mental, keruntuhan moral, penyalahgunaan dadah, sumbang muhrim, dan anak-anak yang terbiar.

Perceraian juga membawa kesan perselisihan yang berpanjangan, terutama untuk menyelesaikan tuntutan-tuntutan selepas perceraian. Antara nafkah yang wajib ditunaikan oleh suami selepas berlaku perceraian ialah nafkah edah, iaitu makan minum, pakaian, kesihatan dan tempat tinggal kepada bekas isteri sehingga tamat edah. Ini tidak termasuk nafkah *mut'ah* iaitu sugu hati perkahwinan, serta isu hak penjagaan anak serta nafkah anak. Suami isteri juga berhak menuntut harta sepencarian iaitu harta yang dibeli bersama semasa dalam perkahwinan. Semua tuntutan ini kebiasaannya memakan masa yang lama sebelum dapat diselesaikan kerana ramai yang memilih mengabaikan tanggungjawab, ada kalanya dipengaruhi oleh perasaan mahu membalas dendam, lanjutan kepada pertelingkahan yang berlaku.

Jemaah yang dihormati,

Khatib menasihatkan beberapa langkah yang wajar diberikan perhatian untuk menjamin kerukunan rumah tangga demi mengelakkan berlakunya perceraian.

Pertama: Membetulkan niat berkahwin, bukan didorong keseronokan semata-mata, tetapi wajib memahami bahawa perkahwinan ialah sunnah serta ibadah yang menjadi asas membina keluarga. Oleh itu pasangan yang mahu berkahwin, hendaklah memahami tanggungjawab setelah bergelar suami dan isteri, dan kemudiannya menjadi bapa dan ibu. Pasangan perlu memiliki kematangan, kebijaksanaan dan kesabaran mengurus rumah tangga.

Kedua: Pemilihan calon isteri begitu juga suami hendaklah mengikut saranan Nabi SAW iaitu memilih pasangan yang 'beragama' dengan maksud, orang yang mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupannya serta berakhlak baik.



Ketiga: Selepas perkahwinan, kehidupan berkeluarga dilandaskan kepada nilai-nilai Islam berdasarkan syarak, iaitu mengamalkan gaya hidup yang sederhana, berbelanja mengikut kemampuan dan pendapatan supaya tidak banyak berhutang, kerana berhutang boleh menyebabkan berlakunya tekanan hidup yang menjemput kepada berlakunya pertengkaran dan perselisihan.

Keempat: Suami hendaklah berusaha bersungguh-sungguh menyediakan nafkah makan, minum, tempat tinggal, pakaian, kesihatan, termasuk nafkah batin, berupa pergaulan yang baik, kasih sayang dan belas ihsan kepada pasangan. Suami hendaklah memahami keletihan isteri yang turut bekerja untuk menambahkan rezeki keluarga, oleh itu hendaklah sama-sama mengambil tanggungjawab melakukan kerja-kerja rumah serta menjaga anak-anak.

Kelima: Ketaatan isteri juga ketaatan suami merupakan kunci penting sebuah keluarga bahagia.

Keenam: Saling menghormati ibu bapa, mertua, keluarga dan ipar. Ibu bapa dan ahli keluarga yang lebih tua berperanan sebagai pendamai membantu mengharmonikan hubungan antara suami dan isteri.

Ketujuh: Mengutamakan kebajikan dan perasaan anak-anak terutama yang masih berusia begitu muda yang akan menghadapi gangguan fikiran dan tekanan emosi jika ibu bapa sering bertelagah, apatah lagi jika berakhir dengan perceraian.

Sidang Jumaat Rahimakumullah,

Jangan terlalu mudah melafazkan perkataan cerai mengikut kehendak hati dan perasaan. Seksyen 47 Enakmen Keluarga Islam Perak menetapkan setiap perceraian hendaklah melalui proses permohonan di Mahkamah Syariah; kegagalan mematuhi dengan bercerai tanpa permohonan ke Mahkamah, merupakan kesalahan yang boleh dihukum denda 3000 ringgit, atau penjara dua tahun, atau kedua-duanya sekali.

Peraturan dan undang-undang yang digubal bertujuan untuk menyelamatkan perkahwinan dan mengurangkan berlakunya cerai terutama perceraian tidak wajar yang berlaku atas alasan yang remeh atau pun yang tidak munasabah mengikut syarak. Permohonan cerai di mahkamah, membolehkan usaha perdamaian atau *sulh* dirintis, di samping membolehkan hakim memberi ruang kepada pasangan menyuarakan



sebab-sebab dipohon penceraian, dan hakim akan berusaha memberikan keputusan yang adil setelah diyakinkan bahawa sudah tidak ada jalan lain melainkan penceraian untuk mengatasi masalah yang telah melanda rumah tangga.

Mimbar memperingatkan jemaah agar bertenang, meredakan perasaan marah, menghilangkan tekanan fikiran sebelum melafazkan ‘cerai’ dan terlebih dahulu memikirkan saluran ‘menyelamat’ yang disediakan di pejabat agama mahu pun di Mahkamah Syariah. Cerai yang dilakukan secara gopoh dan terburu-buru tanpa pertimbangan wajar, akan menyebabkan penyesalan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! kurniakanlah hidayah dan petunjuk Mu kepada kami dalam melayari bahtera perkahwinan menurut yang diredai oleh Mu, dalam suasana kasih-mengasihi serta sayang-menyayangi, mengamalkan belas ihsan. Hindari keluarga kami daripada melakukan perkara-perkara yang mengundang kemurkaan Mu.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.